



UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Jabatan Pendaftar, Aras 4, Blok Selatan, Bangunan Canselori

Ruj. Kami : UMS/PN2.1/P5/2 Jld III

Tarikh : 4 Oktober 2005

Beg Berkunci No. 2073
88999 Kota Kinabalu, Sabah
Tel: 088-320000 samb. 1447 Faks: 088-320243
E-mel: papenums@ums.edu.my
<http://www.ums.edu.my>

PEKELILING PENDAFTAR BIL. 02/2005

Semua Dekan/Pengarah
Semua Ketua Bahagian/Unit

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh;

Y. Bhg. Prof. Datin/Tuan/Puan,

WAKTU BEKERJA PADA BULAN RAMADAN 1426H

Dengan hormatnya sukacita saya menarik perhatian Y. Bhg. Prof. Datin/tuan/puan mengenai perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa sepanjang bulan Ramadan 1426H ini, waktu bekerja bagi kakitangan yang beragama Islam pada hari Isnin hingga Jumaat ialah dari jam 8.00 sehingga jam 4.15 petang tertakluk kepada syarat-syarat yang berikut dipatuhi; iaitu:

- a. Kakitangan telah mendapat kebenaran Dekan/Ketua Jabatan masing-masing; dan
- b. Rumah kakitangan terletak jauh daripada kampus dan/atau mempunyai masalah untuk sampai ke rumah sebelum/pada waktu berbuka puasa.

3. Walau bagaimanapun, kakitangan yang dibenarkan balik pada jam 4.15 petang dikehendaki menggantikan kekurangan waktu bekerja 45 minit yang ada pada waktu rehat tengah hari. Oleh yang demikian, waktu bekerja kakitangan tersebut pada hari Isnin hingga Jumaat adalah seperti berikut:


HARI	WAKTU BEKERJA	WAKTU REHAT
Isnin hingga Khamis	8.00 pagi – 1.00 tengah hari/ 1.15 ptg – 4.15 ptg.	1.00 tengah hari – 1.15 ptg
Jumaat	8.00 pagi – 12.00 tengah hari/ 1.45 ptg. – 4.15 ptg.	12.00 tengah hari – 1.45 ptg.

4. Sehubungan itu, sukacita sekiranya Y. Bhg. Prof. Datin/tuan/puan dapat memaklumkan perkara ini kepada semua pegawai/kakitangan di bawah pengawasan Y. Bhg. Prof. Datin/tuan/puan.

Sekian dimaklumkan dan diucapkan Selamat Menunaikan Ibadah Puasa.

Wassalam.

Yang ikhlas,



[HELA LADIN MOHD. DAHALAN]

Pendaftar

b.p. Naib Canselor

s.k.:

- Y. Bhg. Naib Canselor
- Y. Bhg. Timbalan Naib Canselor (Akademik & Pengantarabangsaan)
- Y. Bhg. Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
- Y. Bhg. Timbalan Naib Canselor (HEP dan Alumni)

“ BERTEKAD CEMERLANG ”